


KESINAMBUNGAN MASA DEPAN KEPEMIMPINAN UMNO

Kemenangan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid dalam pertandingan jawatan Presiden UMNO menandakan kehendak majoriti perwakilan bahagian yang mahu meneruskan kesinambungan kepimpinannya dalam usaha parti itu untuk bangkit semula supaya dapat kembali menerajui kerajaan.

Dengan memperoleh mandat parti, beliau bersama-sama barisan kepimpinan baharu UMNO boleh terus menggerakkan organisasi parti bagi berperanan sebagai pembangkang berkesan di samping menyiapkan parti untuk Pilihan Raya Umum ke-15. Selain itu, UMNO juga sudah bersedia untuk menyertai sepak terajang politik dari segi hubungannya dengan parti lain sama ada yang memegang kerajaan, iaitu Pakatan Harapan atau parti pembangkang lain seperti PAS. Namun, ketika menjelang pemilihan pucuk pimpinan itu, UMNO sudah menghadapi cabaran daripada tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dilaporkan membekukan akaun parti itu kerana kaitannya dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Walaupun Zahid berkata akan membuat rayuan kepada SPRM supaya melepaskan sebahagian daripada dana itu untuk membiayai operasi pentadbiran parti, namun pada masa yang sama beliau turut memberi amaran kepada ahli-ahli bahawa pelbagai kesusahan yang datang daripada kerajaan akan melanda mereka.

Sebagai parti pembangkang, UMNO perlu bersedia menghadapi cabaran daripada kerajaan. Kalau Parti Pribumi sebelum pilihan raya umum lalu menghadapi pelbagai tindakan pentadbiran seperti pembatalan pendaftaran daripada kerajaan Barisan Nasional (BN), maka kini giliran UMNO menghadapi cabaran itu walaupun Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa kerajaannya tidak akan bertindak seperti apa-apa yang dilakukan oleh Zahid ketika beliau menyandang jawatan serupa.



Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dipilih sebagai nakhoda baharu UMNO.

Perbincangan pasti berlaku dalam UMNO sama ada untuk bertanding sendiri, mengekalkan (BN) yang kini hanya dianggotai oleh parti itu, MCA dan MIC, iaitu seperti Perikatan asal yang ditubuhkan pada tahun 1952 untuk mendapatkan kemerdekaan.

Semasa debat tiga calon utama Presiden UMNO yang disertai Zahid, Tengku Razaleigh Hamzah dan Khairy Jamaluddin sehari sebelum pemilihan pada 30 Jun lalu, Zahid ada menyebut tentang gagasan baharu yang mungkin ditubuhkan untuk menggantikan BN.

Walaupun beliau tidak menyatakan secara terperinci dan tidak disebut dalam Aku Janji Calon Presiden, namun perkara yang dijangkakan bahawa beliau akan meneroka satu gagasan baharu untuk UMNO. Berkemungkinan beliau bukan sahaja akan mempertahankan kerjasama dengan MCA dan MIC, malah akan mencari rakan-rakan baharu, umpamanya dengan PAS dan parti-parti lain dari Sabah dan Sarawak.

Buat masa ini, mungkin parti-parti lain itu tidak berminat untuk berpakat dengan UMNO kerana ketiadaan kuasa tetapi dijangka selepas enam bulan atau setahun nanti, apabila parti-parti lain itu tidak bekerjasama dengan Pakatan Harapan, maka tiada ruang lain, selain daripada menyertai sebarang gagasan yang dibentuk oleh UMNO.

Hakikatnya di Malaysia, tidak ada parti yang boleh memasuki gelanggang politik secara bersendirian, baik parti yang besar mahupun kecil. Mereka perlu berpakat atau bekerjasama dengan parti lain untuk mengoptimalkan peluang meraih kuasa. Lebih-lebih lagi sokongan daripada bukan Melayu khususnya dari kaum Cina juga menjadi penentu kepada kejayaan politik di negara ini. Maka, mahu tidak mahu MCA dan MIC juga perlu kuat jika UMNO mahu bangkit. Dalam debat itu, Zahid menyebut tentang kegagalan parti-parti

bukan Melayu untuk meraih undi bagi memenangi BN. Parti-parti bukan Melayu di Semenanjung Malaysia yang dirujuk dalam itu tentulah MCA dan MIC.

Jika parti-parti bukan Melayu itu tidak berupaya untuk meraih sokongan, maka UMNO terpaksa mencari parti lain yang boleh menghadapi dan mengalahkan DAP. Buat masa ini, kaum bukan Melayu hampir padu menyokong Pakatan Harapan khususnya melalui DAP dan PKR. Walau bagaimanapun, setelah mentadbir untuk beberapa tahun, berkemungkinan timbul juga rasa tidak puas hati. Pada masa itu, mungkin ada orang bukan Melayu yang mahu menentang Pakatan Harapan. Untuk berjaya, tidak ada cara lain selain daripada bergabung dengan gagasan pembangkang pimpinan UMNO.

Bagaimanapun, UMNO mesti mendahului usaha memperoleh sokongan padu daripada orang Melayu. Kekalahan BN dalam pilihan raya umum ke-14 terletak pada faktor bahawa banyak penyokong UMNO yang beralih kepada Pakatan Harapan atas pelbagai sebab.

Perkara yang akan dilakukan oleh Zahid ini berbeza daripada tawaran pesaing utamanya, iaitu Tengku Razaleigh dan Khairy. Pemimpin veteran UMNO mahu memberikan tumpuan kepada pembersihan parti itu, berserta penstrukturan semula UMNO. Dengan UMNO yang bersih, rakyat khususnya yang sebelum ini memberikan sokongan kepada BN akan kembali padanya. Khairy pula mencadangkan supaya UMNO membuka keahlian kepada bukan Bumiputera. Beliau yang dilihat sebagai mewakili usaha peremajaan UMNO mahukan suatu pembahagian radikal pada parti itu dengan meningkatkan kemampuan menarik sokongan rakyat tanpa rundingan di balik tabir seperti yang dianggap sebagai cadangan Zahid untuk menjadikan UMNO sebagai kerajaan sebelum pilihan raya umum ke-15.

Kedua-duanya, iaitu Tengku Razaleigh dan Khairy mengemukakan laluan radikal. Cadangan pembersihan oleh Tengku Razaleigh seperti yang beliau ungkapkan dalam satu wawancara dengan Radio BFM beberapa hari sebelum pemilihan itu menyebut tentang penghapusan politik wang dalam parti dengan mendisiplinkan para ahli. Cadangan beliau ini kelihatan murni, namun ternyata tidak popular dalam kalangan ahli UMNO yang sudah terbiasa dengan kesenangan dana sejak tahun 1980-an. Ahli-ahli UMNO tentu enggan kembali ke zaman 50-an dan 60-an apabila perjuangan mereka hanya berlandaskan pada idealisme kebangsaan Melayu. Sementara Zahid dilihat sebagai penyambung kepimpinan UMNO yang pernah mencapai kecemerlangannya dalam politik negara. Kekalahan dalam pilihan raya umum dianggap sementara dan akan dapat diatasi oleh kepemimpinan Zahid. Kini beliau memperoleh mandat atas merit sendiri dan bukannya semata-mata bergantung pada lantikan daripada pemimpin terdahulu.

Pada perwakilan Perhimpunan Agung UMNO pada 30 Jun itu menolak kedua-dua gagasan Tengku Razaleigh dan Khairy apabila kebanyakan daripada mereka mengundi Zahid untuk menjadi presiden. Dalam pemilihan itu, Zahid memperoleh 78 undi, Khairy, 53 dan Tengku Razaleigh 28. Dua calon lain, iaitu Mohamed Iqbal Maricar dan Mohd Yusof Musa tidak memperoleh sebarang undi. Andai kata kedua-duanya bersatu tenaga dengan hanya menampilkan seorang calon daripada mereka, mungkin salah seorang daripada mereka boleh mengalahkan Zahid, walaupun dengan kemenangan tipis. Zahid dan timbalannya, Datuk Seri Mohamad Hassan akan memikul tanggungjawab memimpin UMNO sebagai parti pembangkang buat pertama kali dalam sejarah politik negara.

Apa-apa yang Zahid akan lakukan terkandung dalam Aku Janji Calon Presiden sebelum pemilihan itu. Dalam

aku janji itu ditegaskan fahaman politik UMNO, iaitu mempertahankan kepentingan agama Islam sebagai agama persekutuan, institusi Beraja, kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak serta bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Maknanya UMNO akan terus relevan apabila majoriti rakyat negara turut menyokong fahaman politik itu. Namun begitu, fahaman politik yang serupa tidak menjamin sokongan rakyat. UMNO perlu menampilkan idealisme yang lebih berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana jika Pakatan Harapan menonjolkan pendekatan lebih berkesan, rakyat pasti akan memilih mereka. Lebih-lebih lagi salah satu parti Pakatan Harapan, iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia turut memiliki fahaman politik serupa UMNO: Bezanya kalau UMNO dalam BN merupakan parti dominan, Parti Pribumi perlu mendapatkan persetujuan bersama-sama daripada PKR, DAP dan AMANAH. Namun begitu, mereka sedar bahawa kelangsungan kuasa mereka juga bergantung pada undi majoriti daripada kaum Melayu.

Dari sudut lain pula, UMNO dengan kedudukannya yang masih besar sebagai parti tunggal di Parlimen berbanding dengan parti-parti lain termasuk komponen Pakatan Harapan berasa yakin di bawah pimpinan Zahid untuk meraih kembali sokongan orang Melayu. Perkara ini tergambar dalam aku janji Zahid yang menyatakan bahawa segala kelemahan sudah dikenal pasti serta akan dibaiki agar UMNO dapat bangkit semula menjadi parti utama yang diminati rakyat. Menurutnyanya, UMNO akan menjadi jurubicara, membela dan memperjuangkan kepentingan ahli, orang Melayu dan Bumiputera serta rakyat keseluruhannya.

Untuk itu, Zahid menyatakan bahawa beliau akan mewujudkan Majlis Penasihat Eksekutif UMNO yang dianggotai oleh para ilmuwan, profesional, agamawan,



Perwakilan UMNO sudah memilih pucuk pimpinan baharu. **PRESIDEN UMNO M'SIA**



Ahli UMNO sedang menantikan perubahan yang bakal dilaksanakan oleh barisan kepimpinan baharu.

pakar pelbagai bidang, serta wakil generasi muda. Majlis ini bakal berperanan untuk memberikan pandangan dan nasihat kepada pemimpin tertinggi terutama presiden dalam sesuatu isu semasa.

Antara rancangan Zahid untuk meremajakan semula UMNO termasuklah penubuhan Akademi Perkaderan UMNO, membuka ruang lebih meluas untuk generasi muda, profesional, ilmuwan, agamawan, badan bukan kerajaan (NGO) untuk dilibatkan secara aktif. Beliau menjanjikan penyusunan semula struktur barisan generasi muda dalam parti, iaitu dengan memperkasakan peranan sayap parti pemuda dan puteri bagi menarik generasi muda.

Menurut aku janji itu, generasi muda turut mendapat peluang untuk terlibat sama dalam aspek melontarkan idea dan pendapat. Pendapat itu pula akan didengari dan dihormati oleh pucuk pimpinan. Zahid mencadangkan beberapa penyusunan semula struktural seperti naib ketua sayap secara automatik merupakan Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan satu lagi jawatan lantikan bakal diperkenalkan.

Bagi proses peremajaan parti, Zahid mencadangkan untuk mewujudkan wadah UMNO bagi mahasiswa di universiti tempatan seperti penubuhan NGO berteraskan politik dan kepimpinan di universiti tempatan yang bertujuan mewujudkan wadah mesra UMNO dalam kalangan mahasiswa.

Untuk usaha pembersihan, aku janji itu mencadangkan penubuhan Unit Khas Tangani Politik Wang, termasuklah melantik individu yang mempunyai integriti dan berlatar belakang undang-undang, berkhaliber dan bersih, di samping menghapuskan budaya *war lords* menerusi pendekatan bersepadu dan berkesan.

Sejak kekalahan BN, apabila diperhatikan reaksi dan respons para penyokong UMNO, maka dapat dikesan bahawa kebanyakan mereka, terutama para aktivis percaya peranan besar persepsi. Mereka percaya penolakan rakyat terhadap BN dipengaruhi oleh persepsi dan bukan berdasarkan fakta sebenar tentang mereka. Dalam kalangan penyokong UMNO, mereka berasakan bahawa kemenangan Pakatan Harapan disifatkan sebagai kejayaan aktivisnya

memenangi perang siber. Maknanya aktivis Pakatan Harapan berjaya mengalahkan media BN dalam perang maklumat dan persepsi dalam internet.

Sentimen serupa juga disuarakan oleh Zahid semasa perdebatan dengan Tengku Razaleigh dan Khairy. Bagi penyokong Pakatan Harapan, sentimen ini merupakan gejala penafian dalam kalangan penyokong BN. Maknanya, kesalahan BN bukan penyebab kekalahannya. Mereka tumbang kerana persepsi.

Maka tidak menghairankan, aku janji Zahid meliputi usaha mewujudkan Majlis Media UMNO yang menggabungkan media konvensional, media sosial, blogger, askar siber dan berita portal pada peringkat pusat dalam mewujudkan elemen berita, tularan berita, video grafik dan infografik yang senada dan efektif.

Hasrat UMNO pimpinan Zahid untuk bertahan lebih lama lagi terkandung dalam butiran akhir aku janji itu yang merancang untuk menanam kecintaan pada UMNO. Apa-apa yang dikatakan sebagai program budaya "UMNO-ku, keluargaku" akan diterapkan dalam program parti. Aku janji itu menyebut bahawa kanak-kanak akan dilibatkan dalam kegiatan parti yang bersesuaian agar nilai perjuangan UMNO dibina sejak daripada awal usia mereka.

Seperti yang dinyatakan oleh aku janji itu, Zahid akan

melakukan penjenamaan semula UMNO. Parti ini akan muncul sebagai sesuatu yang berlainan daripada UMNO sejak zaman presiden-presidennya terdahulu iaitu dari Tengku Abdul Rahman Putra hinggalah kepada Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak.

Masa depan UMNO juga pastinya turut dicorakkan oleh sayap pemuda, wanita dan puterinya. Dalam pemilihan yang dibuat pada 24 Jun lalu, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki menang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Mantan Ketua Puteri UMNO, Datuk Dr. Noraini Ahmad dipilih sebagai Ketua Wanita UMNO yang baharu. Sementara Zahida Zariq Khan dipilih sebagai Ketua Puteri UMNO. Walaupun mereka merupakan wajah baharu bagi jawatan-jawatan itu, namun mereka merupakan tokoh yang sudah dikenali dalam parti. Kemenangan mereka menandakan sebahagian besar ahli-ahli UMNO mahukan kesinambungan kepemimpinan. Kejayaan mereka dalam pemilihan pada 24 Jun itu memberi petanda bahawa Zahid akan memenangi pertandingan jawatan presiden parti pada 30 Jun lalu.

Adakah Zahid akan berjaya dan UMNO bangkit semula? Kalau berjaya Zahid mungkin akan dinobatkan sebagai Bapa Kebangkitan UMNO, iaitu kalau parti ini kembali menjadi kerajaan persekutuan dalam pilihan raya umum ke-15 atau sebelumnya.

Adakah UMNO mampu bangkit semula?

yang sedia ada dikekalkan, maka beliau juga terpaksa melepaskan jawatan perdana menteri.

Namun begitu, perkara masa depan tidak ada kepastian lebih-lebih lagi politik yang bergerak dan berubah-ubah seperti cecair. Cadangan dalam aku janji itu tidaklah suatu kepastian dan dengan perbincangan dalam parti, besar kemungkinan perubahan-perubahan itu pasti berlaku.

Keberkesanan perubahan dalam UMNO yang diharapkan berlaku melalui kepemimpinan Zahid dan disokong secara tidak langsung oleh ahli-ahli parti itu yang turut bergantung sekurang-kurangnya terhadap tiga faktor. Pertama, ahli-ahli UMNO sendiri. Kedua, gelagat parti-parti lawan sama ada Pakatan Harapan atau PAS. Ketiga, rakyat umum Malaysia termasuklah pengundi berdaftar.

Program yang hendak dilaksanakan oleh Zahid itu merupakan sesuatu yang besar dan memerlukan kerjasama semua ahli dan penyokong parti. UMNO pula kini merupakan parti pembangkang dan sumber dananya tidak semudah semasa menjadi kerajaan. Adakah ahli-ahli UMNO sanggup berjuang dengan melakukan pengorbanan untuk agama, bangsa dan tanah air?

Sementara itu, peluang UMNO juga bergantung pula pada kegagalan kerajaan Pakatan Harapan. Jika Pakatan Harapan berpecah, gagal dan akhirnya tumbang sebelum pilihan raya umum ke-15, maka peluang UMNO adalah cerah. Pakatan Harapan menghadapi pelbagai cabaran,

Tempoh beliau menerajui parti sebagai presiden ialah dari 2018 hingga 2021. Pilihan raya akan datang dijangka diadakan pada 2023 jika penggal ini dilalui secara penuh. Usia Zahid sekarang ialah 65 tahun. Pada tahun 2021, beliau akan menghadapi perwakilan UMNO untuk mendapatkan mandat baharu. Jika beliau menang dan terus menjadi Presiden UMNO sehingga tahun 2024, maknanya beliau akan memimpin parti itu untuk menyertai pilihan raya umum ke-15. Jika UMNO dan gagasannya menang, Zahid akan menjadi perdana menteri. Ketika itu beliau berusia 70 tahun. Namun tempoh beliau menjadi presiden UMNO akan berakhir pada 2024. Jika peraturan supaya Presiden UMNO hanya dua penggal seperti yang disebutkan dalam aku janjinya, maka beliau perlu melepaskan jawatan Presiden UMNO. Jika sistem



antaranya termasuklah soal peralihan kuasa antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim seperti yang dipersetujui sebelum pilihan raya ke-14 lalu. Soal hubungan Parti Pribumi dan PKR juga boleh menjadi isu yang menyulitkan Pakatan Harapan. Begitu juga dengan hubungan DAP sebagai parti mewakili kaum Cina dengan Parti Pribumi, PKR dan Amanah yang perlu memelihara kepentingan Melayu. Kegagalan menangani isu-isu kaum akan melemahkan Pakatan Harapan dan membuka peluang kepada UMNO.

Faktor ketiga dan utama adalah rakyat sendiri. Adakah kebanyakan rakyat masih turut menyokong fahaman politik teras UMNO? Pegangan terhadap butiran-butiran perlembagaan yang berkaitan dengan Melayu bukanlah suatu yang kekal. Generasi baharu mungkin mempunyai sikap dan pendirian berbeza tentang perkara-perkara asas negara yang dibentuk dan dibakukan menjelang hari kemerdekaan pada tahun 1957.

Jika pegangan mereka semakin luntur dan akhirnya hilang, perjuangan UMNO menjadi tidak relevan dan segala program Zahid itu tidak mendatangkan kesan apabila berlangsung pilihan raya umum ke-18 nanti. Khairy sedar tentang hal ini dan atas sebab itu beliau mahu membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu seperti DAP yang sudah memiliki calon-calon pilihan raya daripada kalangan orang Melayu walaupun dibuat secara terhad dan berhati-hati.

Pendirian Khairy ini dapat dirasakan ketika Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi perdana menteri apabila beliau mempunyai pengaruh besar dalam pentadbiran bapa mertuanya itu. Kelihatannya kebanyakan ahli UMNO daripada keputusan pemilihan presiden itu bukan sahaja menolak Khairy, malah terhadap fahaman politiknya dan perubahan yang hendak dilakukannya. Apa-apa yang akan menentukan kejayaan UMNO kelak termasuklah sama ada

fahaman ahli-ahlinya selaras dengan pendirian rakyat umum. Jika tidak selaras, UMNO akan ditolak. Bukanlah bermakna UMNO menjadi tidak relevan dan pupus, namun mungkin menjadi lebih kecil dan hanya menang pilihan raya di kawasan-kawasan tertentu, yakni seperti PAS. Akan ada sebahagian masyarakat yang menyokong fahaman yang dibawa oleh PAS. Walau bagaimanapun, parti itu tidaklah cukup kuat untuk menang pada peringkat persekutuan. Begitu juga dengan UMNO. Mungkin akan sentiasa ada sebahagian daripada masyarakat Melayu menyokong aliran politik yang dibawa oleh parti itu. Namun begitu, dalam Pakatan Harapan, Parti Pribumi boleh menjadi pengganti UMNO sebagai pembawa fahaman politik yang serupa, iaitu seperti AMANAH yang membawa fahaman teras yang dipegang oleh PAS. Sementara sebahagian rakyat lebih selesa memberikan undi kepada Parti Pribumi berbanding UMNO, atau kepada AMANAH berbanding PAS.

Kalau melihat tempoh penggal dari 2013 hingga 2018, banyak perubahan politik yang tidak dapat dijangkakan. Begitu juga apabila melihat politik di negara-negara di seluruh dunia juga, banyak yang tidak dapat diramal. Tidak ada sesiapa yang dapat menjangkakan kebangkitan aliran populis yang memperlihatkan kemunculan Presiden Donald Trump melalui Parti Republikan dalam politik Amerika.

Dari tahun 2013 hingga 2018, politik Malaysia menyaksikan Pakatan Rakyat dibubarkan ekoran konflik antara PAS dan DAP, termasuklah pada ketika awalnya tidak dapat dijangkakan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad menubuhkan Parti Pribumi yang dibawa menyertai Pakatan Harapan. Paling tidak dijangka ialah keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 yang bukan sahaja mengejutkan negara, tetapi pada peringkat dunia!

Perubahan landskap media juga akan mempengaruhi reka bentuk negara. Perkara ini difahami oleh UMNO yang mempercayai persepsi sebagai faktor utama berbanding dengan perkara lain seperti idealisme dan kelakuan watak-watak politik. Bagaimanapun, perubahan landskap media berlaku dengan cepat dan mendadak.

Dalam tempoh lima tahun tentunya ada perubahan sekurang-kurangnya dari segi teknologi. Perkara yang lebih sukar untuk dijangka ialah sosiologi dan psikologi para pengundi. Walaupun mungkin para pengundi boleh dikelirukan, namun kebenaran sesuatu fakta tidak boleh disembunyikan selama-lamanya. Manusia boleh dibohongi tetapi mereka pasti tidak mahu diperbodohkan. Penggunaan berita palsu akan memakan tuan penyebarnya. Adalah lebih baik mereka bertindak jujur jika mahu memperoleh kepercayaan rakyat. Inilah yang perlu dipelajari oleh UMNO daripada pilihan raya umum ke-14.

Perlu diambil kira bahawa apa-apa yang dinyatakan oleh Zahid dalam aku janjinya itu, serta apa-apa yang diucapkan dalam debat presiden UMNO adalah untuk pengetahuan umum, iaitu kepada semua rakyat Malaysia, dan bukan sahaja kepada ahli-ahli UMNO. Tentulah beliau tidak mendedahkan rancangan suli politiknya kepada umum. Politik adalah suatu persaingan, bukannya suatu konspirasi atau pakatan sulit, namun lebih kepada percaturan dan strategi politik.

Semasa debat calon presiden, Zahid ada menyebut bahawa beliau pernah bekerja bersama-sama Dr. Mahathir dan Anwar. Dengan itu beliau faham pemikiran dan tindak-tanduk kedua-dua pemimpin utama Pakatan Harapan itu. Dengan pengalamannya itu, beliau menggambarkan kemampuannya untuk berdepan dengan Dr. Mahathir dan Anwar. Namun, Dr. Mahathir dan Anwar juga faham tentang cara kerja Zahid. Anwar pernah berpasukan dengan Zahid untuk menghadapi Dr. Mahathir. Sementara Dr. Mahathir pula pernah menarik keluar Zahid daripada lingkungan pengaruh Anwar.

Seringkali disebut bahawa dalam politik musuh tidak kekal. Sesuatu yang kekal ialah kepentingan. Seperti mana Dr. Mahathir boleh berbaik semula dengan Anwar kerana perkara yang kekal ialah kepentingan kedua-duanya, maka begitu juga hubungan mereka dengan Zahid. Apa yang kekal adalah kepentingan ketiga-tiga tokoh ini, yang kesemuanya pernah bersama-sama dalam satu pasukan UMNO.

Di atas pencak silat tokoh-tokoh ini, ada satu kepentingan lain yang lebih besar, yakni kepentingan rakyat. Mereka pula diserahkan dengan pelbagai kepentingan yang melibatkan agama, kaum dan negara.

Walaupun terdapat sebuah negara, Malaysia merupakan negara berbilang agama dan kaum. Maka kepentingan agama dan kaum majoriti perlu mengatasi tokoh-tokoh berkenaan.

Setiap tokoh itu hanya dapat bergerak dengan menggunakan parti politik. Namun, parti politik hanya wujud atas kepentingan rakyat yang berdiri pula atas negara. Setiap warganegara pula mempunyai kaum dan agamanya. Walaupun setiap warganegara tidak mungkin terlepas daripada kepentingan agama dan kaumnya, tetapi hubungan mereka dengan parti politik tidaklah begitu kuat. UMNO merupakan sebuah parti yang wujud atas kepentingan agama, kaum dan negara, iaitu agama Islam, kaum Melayu dan negara Malaysia.

Jika kepentingan agama dan kaum dapat dipertahankan oleh parti politik yang lebih berkesan, rakyat akan bertindak menyokongnya. Sememangnya perubahan ini dipengaruhi oleh persepsi, namun persepsi bukanlah segala-galanya. Kebenaran tetap menjadi faktor terpenting. Maknanya parti politik boleh bertukar ganti tetapi kepentingan agama, kaum dan negara tidak akan berubah.

Pastinya dalam mencorakkan persepsi, usaha akan dilakukan supaya kepentingan agama, kaum dan negara akan disamakan dengan parti politik, khususnya terhadap apa-apa yang akan dilakukan oleh UMNO. Sementara para penentangannya, sama ada Parti Pribumi, PKR, AMANAH dan PAS pula akan berikhtiar untuk meleraikan hubung kait UMNO dengan kepentingan agama, kaum dan negara.

Melihat kembali keputusan pilihan raya umum ke-14, dapat disaksikan rakyat khususnya orang Melayu kurang melihat bahawa UMNO mewakili kepentingan agama, kaum dan negara. Mereka dapat menyaksikan bahawa UMNO hanya memelihara kepentingan peribadi tokoh-tokoh politik yang memimpin parti itu. Sementara rakyat hanya mendapat tempas dan lebihan daripada "laba" yang diperoleh orang UMNO.

Sebab itu Tengku Razaleigh lebih mengutamakan soal pembersihan parti. Zahid pula meletakkan soal pembersihan hanya pada satu perkara dalam aku janjinya itu. Perkara-perkara lain yang lebih utama, pada keseluruhan adalah untuk memperkemas kemampuan parti.

Masa depan UMNO masih terbuka. Harapan untuknya bangkit semula tetap ada. Tetapi kebangkitan tidak bergantung pada diri mereka semata-mata. Banyak faktor berada di luar kawalan atau pengaruh UMNO dan Zahid. Akhirnya, perkiraan politik ialah seperti yang diumpamakan dalam simpulan bahasa, untung sabut timbul, untung batu tenggelam. ☹

Penulis pemerhati politik dan mantan wartawan akhbar.

Adakah UMNO mampu mengembalikan semula kepercayaan rakyat terhadap mereka?